

SULIT



SEKOLAH MENENGAH ARAB DARUL FALAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Ogos

2¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
 2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
 3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

[lihat halaman sebelah]

SULIT


1103/1

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti.. . Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah membangunkan bidang sukan di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B
[100 markah]
[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Kejayaan seseorang bermula daripada impian dan cita-cita.
Sebagai remaja yang berwawasan, jelaskan usaha-usaha yang anda lakukan untuk memastikan impian tersebut menjadi kenyataan.

2. Menabung amat penting untuk menjamin kehidupan pada masa hadapan.
Apakah peranan ibu bapa dalam memastikan amalan menabung menjadi budaya masyarakat kita?

3. Anda ingin menyertai pertandingan menulis esei bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan di tempat anda. Tajuk yang anda pilih ialah “ Ke Arah Melahirkan Patriotisme dalam Kalangan Masyarakat”.
Tulis esei anda selengkapnya.

4. Aktiviti pemerdagangan manusia di peringkat global sangat membimbangkan dan mendatangkan kesan negatif kepada negara yang terlibat. Bincangkan.

5. Awal suruhan ialah membaca
 Menuntut ilmu disuruh budaya
 Inilah teladan sepanjang masa
 Gayakan hidup dengan membaca
Lirik lagu ‘Membaca Gaya Wawasan’ di atas menggambarkan kepentingan membaca kepada masyarakat. Namun, kemajuan teknologi maklumat kini, menyebabkan masyarakat leka dengan gajet-gajet terkini dan mengabaikan amalan membaca dalam kehidupan.

Bincangkan usaha-usaha untuk menggalakkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT